

Dua beradik anak pemandu lori kongsi pentas konvokesyen



Kuantan, 18 November - Menjadi kenangan manis buat pasangan adik-beradik ini apabila berkongsi pentas dalam sidang keempat di Majlis Konvokesyen Kali ke-12 yang berlangsung di Kompleks Sukan UMP Gambang hari ini.

Bagi Sharon Jessica A/P Sarvathi Pillai, 28 dan Sybil Janita A/P Sarvathi Pillai, 24 masing-masing bergraduasi dalam jurusan Diploma Profesional Pengurusan Rantaian Bekalan dari UMP Advanced Education melahirkan perasaan berbangga dengan pencapaian yang dikecapi masing-masing.

Kegembiraan turut dikongsi bersama bapa Sarvathi Pillai, 60 yang bekerja sebagai pemandu lori dan ibunya, Thelaga Devi yang merupakan suri rumah. Bagi Sarvathi, kejayaan anaknya ini merupakan kejayaan mereka sebagai ibu bapa walaupun susah namun mampu menyara anak mereka sehingga berjaya ke menara gading.



"Atas usaha mereka sendiri dan semangat mahu berjaya ternyata membuahkan hasil. saya dan isteri amat bersyukur dengan kejayaan yang diperolehi mereka," katanya. Bagi Sharon Jessica, kasihan atas susah payah ibu bapa menjaga mereka dari kecil sedikit sebanyak dapat membantu membalas jasa.

"Sokongan yang jitu dari ibu bapa kami menguatkan semangat kami untuk berjaya menggenggam segulung diploma," katanya. Manakala bagi Sybil Janita mereka berdua yang berhasrat untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Hari kedua dalam sidang keempat majlis konvokeysen menyaksikan seramai 685 graduan daripada Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Fakulti Pengurusan Industri dan UMP Advanced Education masing-masing menerima skol dari Naib Canselor UMP, Profesor Dato Dr Daing Nasir Ibrahim.

Mereka adalah antara 2845 graduan UMP yang dirai menerima ijazah dan diploma masing-masing bersempena dalam Majlis Konvokeysen UMP kali ke-12 yang berlangsung selama tiga hari mulai 18 hingga 20 November ini di Dewan Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang.

Disediakan oleh Norhidayah Mohamad dari Bahagian Komunikasi dan Korporat dan gambar oleh Mustaqim (FSKKP)

Posted By : NUR LAILA BINTI AFANDI Date Posted : 24-11-2017, 16:35:20